	5	Menilai perkara asas berkaitan wasiat dan faraid serta mengamalkannya secara beradab.	56		
	6	Merumus perkara asas berkaitan wasiat dan faraid serta mengamalkannya secara beradab dan istiqamah.	56		

Tahap Penguasaan Pelajaran 14

TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6

15

Jenayah dalam Islam

15 Jenayah dalam Islam	1	Menyatakan perkara asas mengenai jenayah dalam Islam.	58		
	2	Menerangkan perkara asas mengenai jenayah dalam Islam.	58, 59		
	3	Mengaplikasi kefahaman mengenai jenayah dalam Islam.	59		
	4	Menganalisis kefahaman mengenai jenayah dalam Islam.	60		
	5	Menilai kefahaman kefahaman mengenai jenayah dalam Islam.	60		
	6	Merumus kefahaman kefahaman mengenai jenayah dalam Islam.	60		

Tahap Penguasaan Pelajaran 15

TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6

BIDANG SIRAH DAN TAMADUN ISLAM

16

Kerajaan Uthmaniyyah

16 Kerajaan Uthmaniyyah	1	Menyatakan pemerintahan kerajaan Uthmaniyyah.	62		
	3	Mengaplikasi iktibar daripada pemerintahan kerajaan Uthmaniyyah.	62, 63		
	4	Menganalisis iktibar daripada pemerintahan kerajaan Uthmaniyyah serta mengamalkannya.	63, 64		
	5	Menilai iktibar daripada pemerintahan kerajaan Uthmaniyyah serta mengamalkannya secara beradab.	64		
	6	Merumus iktibar daripada pemerintahan kerajaan Uthmaniyyah serta mengamalkannya secara beradab dan istiqamah.	64		

Tahap Penguasaan Pelajaran 16

TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6

17

Keunggulan Tokoh Islam

17 Keunggulan Tokoh Islam	1	Menyatakan keunggulan tokoh Islam.	66		
	2	Menerangkan keunggulan tokoh Islam.	66		
	3	Mengaplikasi iktibar daripada keunggulan tokoh Islam.	66		
	4	Menganalisis iktibar daripada keunggulan tokoh Islam serta mengamalkannya.	67		
	5	Menilai iktibar daripada keunggulan tokoh Islam serta mengamalkannya secara beradab.	67		
	6	Merumus iktibar daripada keunggulan tokoh Islam serta mengamalkannya secara beradab dan istiqamah.	67		

Tahap Penguasaan Pelajaran 17

TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6

PELAJARAN	STANDARD PRESTASI		HALAMAN	PENCAPAIAN	
	TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN		(✓) MENGUASAI	(✗) BELUM MENGUASAI
BIDANG AKHLAK ISLAMIAH					
18 Tawaduk Menzahirkan Kesucian Jiwa	1	Menyatakan konsep tawaduk.	69		
	2	Menerangkan konsep tawaduk.	69		
	3	Mengaplikasi sifat tawaduk.	69		
	5	Menilai sifat tawaduk serta mengamalkannya secara beradab.	70		
	6	Merumus sifat tawaduk serta mengamalkannya secara beradab dan istiqamah.	70		
	<i>Tahap Penguasaan Pelajaran 18</i>		TP 1 <input type="button" value=""/>	TP 2 <input type="button" value=""/>	TP 3 <input type="button" value=""/>
19 Istiqamah Jalan Menuju Mujahadah	1	Menyatakan konsep istiqamah.	72		
	2	Menerangkan konsep istiqamah.	72		
	3	Mengaplikasi sifat istiqamah.	72		
	4	Menganalisis sifat istiqamah serta mengamalkannya.	73		
	5	Menilai sifat istiqamah serta mengamalkannya secara beradab.	73		
	6	Merumus sifat istiqamah serta mengamalkannya secara beradab dan istiqamah.	73		
20 Alam Sekitar Penenang Minda	1	Menyatakan adab menjaga alam sekitar.	75		
	2	Menerangkan adab menjaga alam sekitar.	75		
	3	Mengaplikasi adab menjaga alam sekitar.	75		
	4	Menganalisis adab menjaga alam sekitar serta mengamalkannya.	76		
	6	Merumus adab menjaga alam sekitar serta mengamalkannya secara beradab dan istiqamah.	76		
	<i>Tahap Penguasaan Pelajaran 20</i>		TP 1 <input type="button" value=""/>	TP 2 <input type="button" value=""/>	TP 3 <input type="button" value=""/>
21 Sifat Mazmumah Meracuni Hati	1	Menyatakan konsep sifat mazmumah.	78		
	2	Menerangkan konsep sifat mazmumah.	78, 79		
	3	Mengaplikasi tuntutan larangan sifat mazmumah.	79		
	5	Menilai sifat mazmumah serta meninggalkannya.	80		
	6	Merumus sifat mazmumah serta mengamalkannya secara istiqamah.	80		
	<i>Tahap Penguasaan Pelajaran 21</i>		TP 1 <input type="button" value=""/>	TP 2 <input type="button" value=""/>	TP 3 <input type="button" value=""/>

NOTA EKSPRES

BIDANG Al-Quran

PELAJARAN

1 ►► Surah at-Taubah, Ayat 128 – 129

» Ayat Bacaan dan Hafazan: Surah at-Taubah: Ayat 128 – 129

لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِنْ أَنفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ
فَإِنْ تَوَلُّوْا فَقُلْ حَسْبِيَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ تَوَكِّلُتُ وَهُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ ﴿١٢٩﴾

(Surah at-Taubah: 128 – 129)

» Inti Sari Ayat

- Allah SWT telah mengutuskan rasul dalam kalangan manusia. Hal ini bertujuan:
 - Memudahkan manusia mencontohi akhlak rasul.
 - Memudahkan komunikasi antara rasul dengan manusia.
 - Manusia ialah makhluk yang sempurna.
 - Memudahkan manusia memahami syariat yang dibawa oleh rasul.
 - Hanya manusia yang memahami kemahuan manusia.
- Rasulullah SAW sangat menginginkan kebaikan di dunia dan di akhirat buat umatnya. Baginda sentiasa berdoa untuk kebaikan umatnya di dunia dan memberi syafaat di hari akhirat.
- Allah SWT sangat mengasihi hamba-Nya.
- Umat Islam perlu bertawakal sepenuhnya kepada Allah SWT. Tawakal ialah berserah kepada Allah SWT setelah berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mendapatkan sesuatu yang dicita-citakan. Kepentingan sifat tawakal kepada mukmin ialah:
 - Sebagai motivasi untuk mencapai sesuatu cita-cita.
 - Sabar dan tabah menghadapi sebarang dugaan dan ujian.
 - Menambahkan keyakinan bahawa Allah SWT akan membantunya.
 - Tidak mudah berputus asa atau kecewa dalam menghadapi ujian hidup.
 - Reda dengan segala ketentuan Allah SWT.
- Seluruh makhluk di langit dan di bumi berada di bawah kekuasaan Allah SWT.

PELAJARAN

2 ▷▷ Surah al-Hasyr, Ayat 21 – 24

» Ayat Bacaan dan Hafazan: Surah al-Hasyr: Ayat 21 – 24

لَوْ أَنَّرَّنَا هَذَا الْقُرْءَانَ عَلَى جَبَلٍ تَرَاهُتُهُ خَائِفًا مُتَصَدِّعًا مِنْ خَشْيَةِ اللَّهِ وَتَلْكَ الْأَمْثَالُ نَضْرِبُهَا لِلنَّاسِ
لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ ④ هُوَ اللَّهُ إِلَّا هُوَ عَلِيمٌ الْعَيْنٌ وَالشَّهَدَةُ هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ ⑤ هُوَ اللَّهُ
الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْمَلِكُ الْقُدُوسُ السَّلَمُ الْمُؤْمِنُ الْمُهَمِّمُ الْعَزِيزُ الْجَبَارُ الْمُتَكَبِّرُ سُبْحَانَ اللَّهِ عَمَّا
يُشْرِكُونَ ⑥ هُوَ اللَّهُ الْخَالِقُ الْبَارِيُّ الْمَصَوِّرُ لَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَى يُسَبِّحُ لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَهُوَ
الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ⑦

(Surah al-Hasyr: 21 – 24)


» Inti Sari Ayat

1. Keistimewaan al-Quran, antaranya ialah:
 - (a) Al-Quran kekal hingga hari kiamat.
 - (b) Bahasa al-Quran sangat indah dan tidak dapat ditandingi.
 - (c) Kandungan al-Quran adalah lengkap dan mengandungi semua aspek kehidupan.
 - (d) Al-Quran terpelihara daripada sebarang perubahan dan penyelewengan.
 - (e) Ayat-ayat al-Quran tidak jemu dibaca dan didengar.
2. Kita hendaklah menerima al-Quran secara keseluruhannya dengan penuh keyakinan.
3. Hanya Allah SWT yang berhak disembah dan Dialah yang Maha Mengetahui segala isi hati manusia.
4. Allah SWT memiliki segala sifat kesempurnaan dan keagungan sebagai pencipta alam. Terdapat beberapa sifat kesempurnaan Allah SWT yang terdapat di dalam ayat, antaranya ialah:
 - (a) Allah SWT Maha Bijaksana
 - (b) Allah SWT Maha Pemurah
 - (c) Allah SWT Maha Mengasihi
 - (d) Allah SWT Maha Perkasa
 - (e) Allah SWT Maha Mengetahui
5. Seluruh makhluk bertasbih kepada Allah SWT sebagai tanda pengabdian kepada pencipta-Nya tanpa mempersekuatuan-Nya.

PELAJARAN

3

▷▷ Hukum Tajwid: Bacaan Ra', Wakaf dan Ibtida'



Wakaf Tam: Wakaf pada ayat yang telah sempurna maknanya, dan tidak mempunyai kaitan dengan ayat selepasnya dari segi lafaz dan makna.

Wakaf Kafi: Wakaf pada ayat yang telah sempurna maknanya, tetapi mempunyai kaitan dengan ayat selepasnya dari segi makna bukan lafaz.

Wakaf Hasan: Wakaf pada ayat yang telah sempurna maknanya, tetapi mempunyai kaitan dengan ayat selepasnya dari segi lafaz dan makna.

Wakaf Qabih: Wakaf pada ayat yang mengubah makna sebenar atau yang tidak sempurna makna, kerana mempunyai kaitan dengan kalimah selepasnya dari segi lafaz dan makna.

PELAJARAN

4 ▷▷ Ciri-ciri Mukmin Berjaya


» Ayat Bacaan dan Hafazan: Surah al-Mu'minuun, Ayat 1 – 11

قَدْ أَفْلَحَ اللَّهُمَّ نَّاهِنَ هُنْ فِي صَلَاتِهِمْ خَلِسُونَ ۝ وَالَّذِينَ هُنْ عَنِ اللَّغْوِ مُعْرِضُونَ ۝ وَالَّذِينَ هُنْ لِلرَّكْوَةِ قَعِلُونَ ۝ وَالَّذِينَ هُنْ لِفُرُوجِهِمْ حَفِظُونَ ۝ إِلَّا عَلَىٰ أَزْوَاجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكُتْ أَيْمَانُهُمْ فَإِنَّهُمْ عَبِيرٌ مَلُومِينَ ۝ فَمَنِ ابْتَغَىٰ وَرَاءَ ذَلِكَ فَأُولَئِكَ هُمُ الْعَادُونَ ۝ وَالَّذِينَ هُنْ لَا مُنْتَهِيهِمْ وَعَهْدِهِمْ رَاغُونَ ۝ وَالَّذِينَ هُنْ عَلَىٰ صَلَواتِهِمْ يُحَافِظُونَ ۝ أُولَئِكَ هُمُ الْوَارُثُونَ ۝ الَّذِينَ يَرِثُونَ الْفِرَدَوْسَ هُنْ فِيهَا خَالِدُونَ ۝

(Surah al-Mu'minuun: 1 – 11)

Ciri-ciri mukmin berjaya:

- Beriman kepada Allah SWT.
- Sentiasa memelihara solat.
- Khusyuk dalam solat.
- Menjaga amanah dan janji.
- Menjaga kehormatan diri.
- Menunaikan zakat.
- Menjauhi perbuatan dan perkataan yang sia-sia.



PELAJARAN

1

Surah at-Taubah,
Ayat 128 – 129

Buku Teks ms. 2 – 3

1.33.1 Baca Ayat dengan Betul, Lancar, Bertajwid dan Fasih

1. Baca ayat di bawah dengan betul, lancar, bertajwid dan fasih.

TP 1

SP
1.33.1

لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ
فَإِنْ تَوَلُّوْا فَقْلُ حَسْبِيَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ تَوْكِيدٌ وَهُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ

(Surah at-Taubah: 128 – 129)

Inti sari ayat

eP+

2. Nyatakan terjemahan bagi potongan ayat di bawah.

TP 2

SP
1.33.1


	Potongan ayat	Terjemahan
(a)	حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ	Dia sangat menginginkan (keimanan dan keselamatan) bagimu
(b)	بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ	Sangat belas lagi penyayang kepada orang yang beriman
(c)	فَقْلُ حَسْبِيَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ	Maka katakanlah: "Cukuplah bagiku Allah, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan dia
(d)	وَهُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ	Dan dia lah yang mempunyai arasy yang besar

Buku Teks ms. 4

1.33.2 Menyatakan Inti Sari Ayat

3. Jelaskan inti sari daripada ayat 128 hingga 129, surah at-Taubah.

TP 3

SP
1.33.2

1.33.3 Baca Ayat dengan Betul, Lancar, Bertajwid dan Fasih

4. Isikan tempat kosong dengan pilihan jawapan yang tepat.

TP 4

SP

1.33.3

فَإِن تَوَلُّوا	حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ	عَلَيْهِ
جَاءَكُمْ	أَنفُسِكُمْ	الْعَظِيمُ

لَقَدْ (a) رَسُولٌ مِّنْ أَنفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ (b)
 رَءُوفٌ رَّحِيمٌ (c) فَقُلْ حَسْبِيَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ (d)
 وَهُوَ رَبُّ الْعَرْشِ (e)

لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنفُسِكُمْ بِالْمُؤْمِنِينَ عَلَيْهِ تَوَكَّلُوا

(Surah at-Taubah: 128 – 129)

5. Lengkapkan peta alir di bawah dengan ayat 128 hingga 129, surah at-Taubah.

TP 5

SP


1.33.3

i-Think Peta Alir

VIDEO



Ayat 128 – 129,
surah at-Taubah



AKTIVITI PAK-21

Pendengaran Berempat

KBAT

Menilai

- Murid diminta duduk di dalam kumpulan yang terdiri daripada empat orang.
- Guru memberi tugasan, iaitu menghafaz ayat 128 – 129 surah at-Taubah.
- Murid menghafaz ayat tersebut. Kemudian, setiap ahli kumpulan memperdengarkan bacaan hafazan antara satu sama lain.
- Pencatat akan membuat laporan selepas hafazan tersebut berakhir.

TP 6

**KBAT****EKSTRA****PELAJARAN 1****IDEA >>> Ajaran | Motivasi**

- KBAT**
Menilai
- Allah SWT mengutuskan rasul dalam kalangan manusia untuk membimbing manusia ke jalan yang benar melalui agama Islam.

Kemukakan hujah anda sebab rasul dilantik dalam kalangan manusia.

Memudahkan komunikasi antara rasul dengan manusia kerana tugas rasul adalah untuk menyampaikan risalah Allah SWT kepada manusia. Hal yang demikian sekiranya rasul daripada makhluk yang lain adalah sukar untuk rasul melaksanakan tugasnya dengan baik. Kesimpulannya, Rasulullah SAW adalah idola kepada umat Islam, maka kita hendaklah berpegang dengan ajaran rasul demi kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat.

Rasulullah SAW ialah contoh terbaik sepanjang zaman.

- KBAT**
Mengaplikasi
- Berdasarkan pernyataan di atas, bagaimakah anda menjadikan Rasulullah SAW sebagai idola untuk menjadi murid yang cemerlang?

Saya akan mencontohi sikap baginda yang tekun dan istiqamah untuk berjaya. Hal ini kerana sikap baginda merupakan satu motivasi kepada saya untuk mencapai cita-cita menjadi murid cemerlang. Sesuatu kejayaan akan diperoleh melalui usaha yang bersungguh-sungguh dan istiqamah. Kesimpulannya, usaha adalah tangga kejayaan, maka berusahalah dengan bersungguh-sungguh demi sebuah kejayaan dan kecemerlangan dalam hidup.



PELAJARAN

2

Surah al-Hasyr, Ayat 21 – 24

1.34.1 Baca Ayat dengan Betul, Lancar, Bertajwid dan Fasih

Buku Teks ms. 7 – 8

1. Baca ayat di bawah dengan betul dan lancar dengan bimbingan guru atau rakan.

TP 1 TP 2

SP

1.34.1

لَوْ أَنْزَلْنَا هَذَا الْقُرْءَانَ عَلَى جَبَلٍ لَرَأَيْتُهُ خَشِعاً مُتَصَدِّعًا مِنْ خَشْيَةِ اللَّهِ وَتَلْكَ أَمْثَالُ نَضْرِبُهَا لِلنَّاسِ
 لَعْلَهُمْ يَتَفَكَّرُونَ ۝ هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلِيمُ الْعِيْنِ وَالشَّهَدَةُ هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ ۝ هُوَ اللَّهُ
 الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْمَلِكُ الْقُدُّوسُ السَّلَامُ الْمُؤْمِنُ الْمُهَمِّمُ الْعَزِيزُ الْجَبَارُ الْمُتَكَبِّرُ سَبَّحَنَ اللَّهُ عَمَّا
 يُشَرِّكُونَ ۝ هُوَ اللَّهُ الْخَالِقُ الْبَارِئُ الْمُصَوِّرُ لَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ يُسَبِّحُ لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَهُوَ
 الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ۝

(Surah al-Hasyr: 21 – 24)

P+

NOTA

Ayat bacaan dan hafazan

1.34.2 Inti Sari Ayat

Buku Teks ms. 9

2. Lengkapkan inti sari ayat 21 – 24 surah al-Hasyr dengan pilihan jawapan yang betul.

TP 3

SP

1.34.2

disembah

memiliki

teragung

keyakinan

pengabdian

Inti sari ayat

Al-Quran merupakan mukjizat yang (a) **teragung** yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW

Hanya Allah SWT yang berhak (b) **disembah** dan Dialah yang Maha Mengetahui segala isi hati manusia

Allah SWT (c) **memiliki** segala sifat kesempurnaan dan keagungan sebagai pencipta alam

Kita hendaklah menerima al-Quran secara keseluruhannya dengan penuh (d) **keyakinan**

VIDEO

Ayat 21 – 24,
surah al-Hasyr

1.34.3 Hafaz Ayat dengan Betul, Lancar, Bertajwid dan Fasih

3. Lengkapkan ayat di bawah seperti di dalam al-Quran.

TP 4

SP

1.34.3

KBAT

Menilai

لَوْ أَنَّرَنَا هَذَا الْقُرْءَانَ عَلَى جَبَلٍ لَرَأَيْتُهُ (a) حَشِيعًا مُتَصَدِّعًا مِنْ خَشْيَةِ اللَّهِ وَتِلْكَ الْأَمْثَالُ نَضَرُّهَا
 لِلَّئَاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ (b) هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ (c) عَلِيمُ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةُ هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ
 هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْمَلِكُ الْقُدُوسُ السَّلَامُ الْمُؤْمِنُ الْمُهَمِّمُ (d) الْعَزِيزُ الْجَبَارُ الْمُتَكَبِّرُ
 سُبْحَانَ اللَّهِ عَمَّا يُشَرِّكُونَ

(Surah al-Hasyr: 21 – 23)

TP 5

SP
1.34.3

الْقُدُوسُ السَّلَامُ الْمُؤْمِنُ الْمُهَمِّمُ	1
هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْمَلِكُ	2
سُبْحَانَ اللَّهِ عَمَّا يُشَرِّكُونَ	3
الْعَزِيزُ الْجَبَارُ الْمُتَكَبِّرُ	4

(Surah al-Hasyr: 23)

(a) 2 (b) 1 (c) 4 (d) 3

AKTIVITI PAK-21

► Guru Muda

KBAT

Menilai

TP 6

- Murid membaca ayat 21 – 24 surah al-Hasyr sebanyak tiga kali dengan bimbingan guru.
- Guru mengenal pasti beberapa orang murid yang mahir membaca ayat tersebut untuk dilantik sebagai murid pembimbing.
- Murid pembimbing akan bergerak ke setiap kumpulan untuk membimbing bacaan murid-murid yang lain sehingga lancar.

**KBAT****EKSTRA****PELAJARAN 2****IDEA >>> Beramal****Mengurus**

Al-Quran merupakan mukjizat agung yang menjadi petunjuk kepada seluruh umat manusia.

1. Huraikan bagaimana anda menjadikan al-Quran sebagai panduan dalam kehidupan.

KBAT
Menganalisis

Saya akan beramal dengan segala isi kandungan al-Quran kerana al-Quran merupakan pembimbing untuk mencapai kejayaan hidup di dunia dan akhirat. Oleh itu, kitab al-Quran hendaklah sentiasa dibaca, difahami serta beramal dengan ajarannya supaya menjadi golongan yang dikasihi Allah SWT. Kesimpulannya, al-Quran merupakan petunjuk kepada kebenaran, maka luangkan masa untuk mendalami isi kandungan al-Quran ke arah menjadi hamba yang bertakwa.

Manusia hendaklah menerima al-Quran secara keseluruhan dengan penuh keyakinan.

2. Kemukakan hujah anda bagi menyokong kebenaran pernyataan di atas.

KBAT
Menilai

Banyak perkara yang tidak diingini berlaku dalam kehidupan manusia kerana tidak menjadikan al-Quran sebagai panduan dalam mengurus hidup. Permusuhan dan persengketaan sering berlaku yang membawa kesan buruk kepada manusia. Dengan berpandukan kepada al-Quran segala permasalahan yang dihadapi manusia dapat diselesaikan dengan baik. Kesimpulannya, kita hendaklah menjadikan al-Quran sebagai sahabat baik dan panduan untuk memandu kehidupan kita ke arah yang lebih baik.

PELAJARAN

3

Hukum Tajwid: Bacaan Ra', Wakaf dan Ibtida'

1.35.1 Hukum Bacaan Ra', Wakaf dan Ibtida'

Buku Teks ms. 15 – 24

1. Nyatakan cara bacaan ra' dan contoh bacaan di bawah.

TP 1

SP
1.35.1

Hukum Bacaan Ra'	Cara bacaan ra'	Contoh
Ra' Tafkhim	(a) Dibaca dengan menebalkan bunyi sebutan ra'	(b) رَبَّنَا لَا تُرْغِبْ قُلُوبَنَا
Ra' Tarqiq	(a) Dibaca dengan menipiskan bunyi sebutan ra'	(b) وَعَلَىٰ أَبْصَرِهِمْ غِشَوْةً

2. Nyatakan cara bacaan apabila bertemu dengan tanda wakaf yang berikut.

TP 2

SP
1.35.1

Potongan ayat	Cara bacaan
ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَبَّ لَهُ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ	Harus wakaf pada salah satu tempat
خَشِعًا مُّتَصَدِّعًا مِّنْ خَشْيَةِ اللَّهِ	Harus wakaf atau wasal
لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ الْغَيْبُ	Wasal lebih utama

3. Nyatakan maksud jenis-jenis wakaf yang berikut.

TP 3

SP
1.35.1

Wakaf Kafi	(a) Wakaf pada ayat yang telah sempurna maknanya, tetapi mempunyai kaitan dengan ayat selepasnya dari sudut makna, bukan lafaz
Wakaf Hasan	(b) Wakaf pada ayat yang sempurna maknanya, tetapi mempunyai kaitan dengan ayat selepasnya dari sudut lafaz dan makna
Wakaf Qabih	(c) Wakaf pada ayat yang mengubah makna sebenar atau yang tidak sempurna makna, kerana mempunyai kaitan dengan kalimah selepasnya dari sudut lafaz dan makna

4. Terangkan maksud Ibtida' Hasan dan Ibtida' Qabih serta hukum bacaan di bawah.

TP 4

SP
1.35.1

	Jenis Ibtida'	Maksud	Hukum bacaan
(a)	Ibtida' Hasan	(i) Memulakan bacaan pada kalimah yang dapat difahami makna serta tidak bersalahan dengan maksud yang dikehendaki Allah SWT.	(ii) Harus
(b)	Ibtida' Qabih	(i) Memulakan bacaan pada kalimah yang tidak menyampaikan maksud yang sebenar atau boleh mengubah makna yang dikehendaki Allah SWT.	(ii) Tidak harus

Buku Teks ms. 15 – 26

1.35.2 Bacaan Ra', Wakaf dan Ibtida'

SP
1.35.2

KBAT
Menilai

وَأَذَنْ مِنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ إِلَى النَّاسِ يَوْمَ الْحِجَّةِ الْأَكْبَرِ أَنَّ اللَّهَ بَرِئٌ مِنَ الْمُشْرِكِينَ وَرَسُولُهُ وَفِيَن تُبَثِّمُ فَهُوَ خَيْرٌ لَكُمْ وَإِن تَوَلَّنِمْ فَإِعْلَمُوا أَنَّكُمْ غَيْرُ مُعْجِزِي اللَّهِ وَبَشِّرِ الظَّالِمِينَ كَفَرُوا بِعِذَابِ أَلِيمٍ ﴿٤﴾

(Surah at-Taubah: 3)

VIDEO



Tanda wakaf



AKTIVITI PAK-21

► Gallery Walk

KBAT
Menganalisis

TP 6

1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
2. Guru memberikan tajuk "Hukum bacaan ra', wakaf dan ibtida".
3. Hasil perbincangan ditulis pada kertas sebak dan ditampal di sekeliling kelas.
4. Seorang wakil kumpulan akan berada di galeri masing-masing untuk memberi penerangan kepada murid lain.

**KBAT****EKSTRA****PELAJARAN 3****IDEA >>> Kepakaran | Benar**

Dewasa ini kelas pengajian al-Quran wujud di mana-mana tempat sama ada secara bersemuka atau secara atas talian. Bacaan al-Quran yang baik ialah yang betul dari segi hukum tajwid, wakaf dan ibtida'.

1. Huraikan usaha yang perlu anda lakukan bagi meningkatkan mutu bacaan al-Quran.

KBAT
Mengaplikasi

Saya akan belajar dengan guru yang diiktiraf ilmunya dalam bidang pembacaan al-Quran kerana kepakaran seorang guru akan memberi kesan kepada muridnya. Hal yang demikian seseorang itu tidak harus berasa malu menghadiri kelas bacaan al-Quran demi meningkatkan mutu bacaan al-Quran yang merupakan kalam Allah SWT. Kesimpulannya, tuntutlah ilmu walau ke negeri China kerana ilmu adalah penyuluhan hidup sepanjang zaman.

Mempelajari ilmu bacaan al-Quran, memahami maksud ayat dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian merupakan kewajipan setiap Muslim.

2. Kemukakan hujah anda bagi menyokong pernyataan di atas.

KBAT
Menilai

Pernyataan tersebut adalah benar kerana al-Quran diturunkan untuk memandu manusia kepada jalan yang benar. Oleh itu, umat Islam hendaklah mempelajari ilmu bacaan al-Quran dengan betul supaya kita dapat memahami dan beramal dengan isi kandungan al-Quran tersebut. Kesimpulannya, al-Quran hendaklah dibaca dan difahami agar manusia sentiasa berada dalam kebenaran al-Quran.

Solat Sunat Istikharah dan Solat Sunat Tasbih

4.25.1 Maksud dan Hukum Solat Sunat Istikharah

Buku Teks ms. 90

1. Isikan tempat kosong dengan jawapan yang betul mengenai maksud dan hukum solat sunat istikharah.

TP 1

4.25.1

Solat sunat istikharah ialah (a) _____ yang dilakukan untuk memohon (b) _____ Allah SWT dalam menentukan (c) _____ bagi sesuatu perkara. Hukum melakukan solat tersebut ialah (d) _____.

4.25.2 Maksud dan Hukum Solat Sunat Tasbih

Buku Teks ms. 94

2. Isikan tempat kosong dengan jawapan yang betul mengenai maksud dan hukum solat sunat tasbih.

TP 1

4.25.2

Solat sunat tasbih ialah solat sunat khusus yang mengandungi bacaan (a) _____ sebanyak 300 kali pada (b) _____ solat. Hukum melakukan solat sunat tasbih ialah (c) _____.

4.25.3 Kaifiat Menunaikan Solat Sunat Istikharah dan Tasbih

Buku Teks ms. 91, 97

SP

4.25.3

Bilangan rakaat	(a) Dua rakaat						
Cara pelaksanaan	(b) Bersendirian						
Bacaan dalam solat	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Rakaat Pertama</th> <th>Rakaat Kedua</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Surah al-Fatihah</td> <td></td> </tr> <tr> <td>(c) Surah al-Kafirun atau surah lain</td> <td>(d) Surah al-Ikhlas atau surah lain</td> </tr> </tbody> </table>	Rakaat Pertama	Rakaat Kedua	Surah al-Fatihah		(c) Surah al-Kafirun atau surah lain	(d) Surah al-Ikhlas atau surah lain
Rakaat Pertama	Rakaat Kedua						
Surah al-Fatihah							
(c) Surah al-Kafirun atau surah lain	(d) Surah al-Ikhlas atau surah lain						
(e) Menyempurnakan rukun-rukun yang lain sehingga memberi salam							
(f) Berdoa dengan doa yang sesuai							



4. Lengkapkan tempat kosong dengan kaifiat solat sunat tasbih dengan dua salam.

TP 4

SP
4.25.3

Bilangan rakaat	(a) Empat rakaat dengan dua salam sekiranya dilakukan pada waktu malam	
Cara pelaksanaan	(b) Bersendirian atau berjemaah	
	Rakaat Pertama	Rakaat Kedua
		Surah al-Fatihah
Bacaan dalam solat	<ul style="list-style-type: none"> Surah al-Kafirun atau surah lain 	<ul style="list-style-type: none"> Bertasbih sebanyak 15 kali
	<ul style="list-style-type: none"> Surah al-Ikhlas atau surah lain 	<ul style="list-style-type: none"> Bertasbih sebanyak 15 kali
	(c) Rukuk – bertasbih sebanyak 10 kali	
	(d) Iktidal - bertasbih sebanyak 10 kali	
	(e) Sujud – bertasbih sebanyak 10 kali	
	(f) Duduk antara dua sujud – bertasbih sebanyak 10 kali	
	(g) Sujud kedua – bertasbih sebanyak 10 kali	
	Rakaat Pertama	Rakaat Kedua
	Duduk istirehat sebelum bangun untuk rakaat kedua, bertasbih sebanyak 10 kali	Duduk tasyahud awal dan membaca tahiyyat, bertasbih sebanyak 10 kali
	Memberi salam	

INFO



Niat dan cara solat istikharah



4.25.5

Hikmah Menunaikan Solat Sunat Istikhharah dan Tasbih

Buku Teks ms. 91, 95

5. Lengkapkan tempat kosong dengan hikmah menunaikan solat sunat istikhharah.

TP 5

SP
4.25.5

Hikmah solat sunat istikhharah

- Meningkatkan keimanan kepada Allah SWT (a) kerana menjadikan Allah SWT sebagai tempat pergantungan
- Mendidik umat Islam agar sentiasa (b) memohon sesuatu kepada Allah SWT terutama dalam membuat keputusan
- Menjauhkan perbuatan (c) syirik dengan memohon bantuan selain Allah SWT seperti bomoh

Solat sunat tasbih dengan satu salam
Solat sunat tasbih dengan dua salamNOTA (b)
NOTA (c)

eP+

6. Terangkan hikmah menunaikan solat sunat tasbih di bawah.

TP 5

SP
4.25.5
KBAT
Menganalisis

Hikmah solat sunat tasbih

- (a) Mendapat keampunan kerana mengamalkan sunah Rasulullah SAW
- (b) Meraih ganjaran yang besar daripada Allah SWT kerana banyak bertasbih
- (c) Memberi ketenangan jiwa kerana banyak berzikir kepada Allah SWT

VIDEO



Bilangan zikir ketika solat sunat tasbih



AKTIVITI PAK-21

► Tiga Bergerak Satu Kekal

KBAT
Menganalisis

TP 6

1. Murid membuat aktiviti di dalam kumpulan.
2. Guru memberi tajuk "Hikmah solat sunat tasbih."
3. Murid berbincang mengenai tajuk yang diberikan.
4. Murid menampal hasil kerja di papan putih untuk dilihat oleh murid-murid yang lain.
5. Ketua kumpulan akan membentangkan hasil dapatan mereka.
6. Ahli kumpulan lain boleh bergerak untuk melihat dan menyaksikan hasil dapatan kumpulan lain.

**KBAT****EKSTRA****PELAJARAN 11****IDEA >>> Petunjuk** | Jiwa

1. Solat sunat istikharah perlu dilakukan ketika membuat pilihan dalam sesuatu perkara.

KBAT
Menilai

Kemukakan hujah anda bagi membenarkan pernyataan di atas.

Dalam membuat sesuatu pilihan, orang Islam disuruh melakukan solat sunat istikharah untuk memohon petunjuk Allah SWT supaya dapat membuat keputusan yang terbaik. Melakukan solat sunat istikharah juga dapat meningkatkan keimanan kepada Allah SWT kerana menjadikan Allah SWT sebagai tempat pergantungan. Kesimpulannya, solat-solat sunat adalah jalan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT dan merupakan asas kejayaan di dunia dan akhirat.

2. Solat sunat tasbih dapat memberikan ketenangan pada jiwa kerana banyak berzikir kepada Allah SWT.

KBAT
Menilai

Kemukakan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas.

Saya menyokong pernyataan di atas bahawa banyak berzikir akan memberi ketenangan pada jiwa kerana jiwa yang disirami dengan kalimah-kalimah Allah SWT akan dijauhi oleh anasir yang boleh memudarangkan jiwa. Hal ini menyebabkan orang yang sentiasa berzikir akan jauh daripada gangguan syaitan durjana kerana dirinya sentiasa dalam pengawasan dan pemeliharaan Allah SWT. Kesimpulannya, banyak ayat al-Quran yang menyatakan bahawa dengan berzikir hati menjadi tenang kerana semasa berzikir kita akan memberi tumpuan kepada kebesaran dan kekuasaan Allah SWT semata-mata.

PELAJARAN

12

MODUL PBD

BIDANG

Fikah

Perkahwinan

4.26.1 Maksud Perkahwinan

Buku Teks ms. 99

1. Tuliskan maksud perkahwinan di ruangan yang disediakan.

TP 1

SP
4.26.1

Maksud
perkahwinan

Akad yang menghalalkan persetubuhan antara lelaki dengan perempuan menurut hukum syarak

4.26.2 Dalil Galakan Berkahwin

Buku Teks ms. 99

2. Nyatakan terjemahan ayat bagi dalil galakan berkahwin di bawah.

TP 2

SP
4.26.2

وَإِن كُلُّ هُوَّا لَا يَنْتَي مِنْكُمْ وَالصَّالِحِينَ مِنْ عِبَادِكُمْ وَإِمَامَيْكُمْ ...

(Surah an-Nur: 32)

Maksudnya: Dan kahwinilah orang bujang dalam kalangan kamu dan orang-orang yang soleh daripada hamba-hamba kamu lelaki dan perempuan...

4.26.3 Hukum Berkahwin

Buku Teks ms. 100

3. Jelaskan hukum berkahwin di bawah.

TP 3

SP
4.26.3

	Hukum	Huraian
(a)	Harus	Tiada desakan atau halangan untuk berkahwin
(b)	Sunat	Mempunyai keinginan untuk berkahwin dan mampu menyediakan nafkah zahir dan batin
(c)	Wajib	Bimbang akan terjerumus ke dalam kemaksiatan sekiranya tidak berkahwin dan mampu untuk memberikan nafkah zahir dan batin
(d)	Haram	Berkahwin bertujuan untuk menzalimi atau memudararatkan pasangannya



4.26.4 Hikmah Perkahwinan

4. Isikan tempat kosong dengan hikmah perkahwinan.

TP 3

SP
4.26.4PRAKTIS EKSTRA
NOTAPerempuan haram dikahwini
Pelajaran 12
Hikmah perkahwinan

Memelihara diri daripada keruntuhan akhlak dan pelbagai gejala sosial yang boleh mencemarkan maruah

(a) Memelihara keturunan yang baik untuk generasi akan datang

(b) Memenuhi tuntutan batin yang merupakan fitrah manusia

4.26.5 Golongan Wanita yang Haram Dikahwini

5. Senaraikan golongan wanita yang haram dikahwini berdasarkan faktor di bawah.

TP 4

SP
4.26.5

Keturunan	Penyusuan	Persemendaan
(a) Ibu	(a) Ibu susuan	(a) Ibu tiri dan ke atas
(b) Nenek dan ke atas	(b) Ibu bagi ibu susuan dan ke atas	(b) Ibu mentua
(c) Anak perempuan	(c) Ibu bagi suami ibu susuan dan ke atas	(c) Anak tiri apabila ibunya telah disetubuhi
(d) Cucu perempuan	(d) Anak-anak ibu susuan	(d) Menantu perempuan dan ke bawah
(e) Adik beradik		
(f) perempuan		
(g) Anak saudara		
(h) perempuan		
(i) Ibu saudara		
(j) Nenek saudara		

VIDEO



Wali nikah tidak solat

4.26.6 Rukun Nikah


6. Senaraikan rukun nikah di bawah.

SP
4.26.6

Rukun nikah

TP 4

CETUS IDEA



7. Terangkan syarat bakal suami dan isteri di ruang yang disediakan.

TP 4

SP
4.26.6


Syarat bakal suami	Syarat bakal isteri
(a) Beragama Islam	(a) Beragama Islam
(b) Lelaki yang telah dikenal pasti	(b) Perempuan yang telah dikenal pasti
(c) Tidak dalam keadaan ihram haji atau umrah	(c) Tidak dalam keadaan ihram haji atau umrah
(d) Tidak mempunyai empat orang isteri pada satu masa	(d) Bukan isteri orang atau dalam idah talak rajai

8. Isikan tempat kosong tentang syarat wali dalam pernikahan.

TP 4

SP
4.26.6

Syarat wali



4.26.7

Perkara-perkara yang Berkaitan dengan Perkahwinan dalam Islam

9. Isikan tempat kosong tentang ciri-ciri pemilihan calon suami dan isteri.

TP 4

SP
4.26.7

Ciri-ciri pemilihan calon suami dan isteri



10. Nyatakan maksud merisik dan meminang di dalam ruangan yang disediakan.

TP 5

SP
4.26.7

(a) Merisik ialah proses sebelum meminang untuk mengenal pasti status bakal isteri

(b) Meminang ialah lamaran seorang lelaki kepada seorang perempuan untuk dijadikan calon isteri menurut uruf setempat

11. Lengkapkan ayat di bawah mengenai tujuan pensyariatan walimatulurus.

TP 5

SP
4.26.7

Tujuan pensyariatan walimatulurus

Sebagai mensukuri nikmat Allah SWT (a) atas perkahwinan yang diberikan

Merapatkan hubungan silaturahim (b) antara dua belah pihak pengantin lelaki dan perempuan

Menghebahkan perkahwinan kepada (c) masyarakat untuk menghindari sebarang fitnah



4.26.8 Kemahiran Keibubapaan

Buku Teks ms. 117 – 121

12. Jelaskan tanggungjawab suami dan isteri di bawah.

SP

4.26.8

KBAT

Menganalisis

TP 5

	Tanggungjawab suami	Tanggungjawab isteri
(a)	Menyediakan segala keperluan asas untuk isteri dan anak-anak mengikut kemampuan suami	(a) Menjaga kehormatan diri dengan berpakaian yang menutup aurat dan menjaga batas pergaulan
(b)	Memberikan kasih sayang, belas kasihan serta nafkah batin kepada isteri	(b) Mentaati perintah suami selagi tidak bertentangan dengan hukum syarak
(c)	Memberikan layanan yang baik kepada isteri dan anak-anak	(c) Melakukan perkara yang menyenangkan hati suami

13. Jelaskan tanggungjawab suami isteri dari aspek akidah, ibadat dan akhlak ahli keluarga.

SP

4.26.8

TP 5

Aspek akidah	
(a)	Menerapkan didikan akidah Islam yang betul kepada anak-anak sejak kecil lagi
(b)	Membentuk akidah keluarga berdasarkan akidah Ahli Sunah Wal Jamaah
Aspek ibadat	
(a)	Memastikan ahli keluarga menunaikan tanggungjawab ibadat
(b)	Mendidik keluarga dengan memberi pengetahuan tentang ibadat yang betul
Aspek akhlak	
(a)	Menyemai sikap kasih sayang sesama ahli keluarga
(b)	Bekerjasama dalam melakukan urusan rumah tangga



AKTIVITI PAK-21

► Tiga Bergerak Satu Kekal

KBAT
Menilai**TP 6**

1. Murid membuat aktiviti di dalam kumpulan.
2. Guru memberi tajuk "Tanggungjawab suami dan isteri".
3. Murid berbincang di dalam kumpulan tentang topik yang diberikan.
4. Hasil perbincangan ditulis pada kertas sebak dan ditampal di sekeliling kelas.
5. Seorang ahli dalam setiap kumpulan akan tinggal di stesen kumpulan untuk menyambut kedatangan rakan lain dan memberi penerangan atau membentangkan hasil kerja kumpulan kepada ahli pasukan lain.

**KBAT****EKSTRA****PELAJARAN 12****IDEA >>> Persengkataan****Bertanggungjawab**

- KBAT**
Menilai
1. Suami ialah ketua keluarga yang mempunyai tanggungjawab tertentu untuk kesejahteraan keluarga.

Ramalkan keadaan yang akan berlaku sekiranya suami tidak menunaikan tanggungjawab dengan sempurna.

Persengkataan antara suami dan isteri sering berlaku kerana sikap suami yang mengabaikan tanggungjawab terhadap rumah tangga. Hal ini menyebabkan anak-anak menjadi mangsa daripada keadaan tersebut yang mendorong mereka terjebak dengan perkara yang negatif. Kesimpulannya, sebelum berkahwin setiap pasangan hendaklah bersedia untuk memikul tanggungjawab agar rumah tangga yang dibina kekal bahagia hingga ke akhir hayat.

- KBAT**
Menilai
2. Lelaki yang telah dikenal pasti merupakan syarat bakal suami. Adakah wajar seorang perempuan mengenal pasti bakal suami sebelum akad nikah?

Kemukakan hujah anda.

Amat wajar bagi seseorang perempuan mengenali bakal suami dan keluarganya terlebih dahulu sebelum berkahwin supaya tidak berlaku perkara yang tidak diingini selepas berlangsungnya perkahwinan. Hal ini bertujuan menjaga kaum perempuan daripada ditipu dan dianiaya oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Kesimpulannya, Islam menyediakan kaifiat tertentu dalam urusan perkahwinan bagi menjaga kemaslahatan kedua-dua belah pihak dalam membina kehidupan berumah tangga.

PELAJARAN

13

MODUL PBD

BIDANG

Fikah

Isu-isu dalam Perkahwinan

4.27.1 Isu-Isu yang Berkaitan dengan Perkahwinan


Buku Teks ms. 123 – 133

1. Senaraikan cara-cara pembubaran perkahwinan menurut Islam.

TP 1

SP
4.27.1

Pembubaran perkahwinan



2. Nyatakan maksud talak di bawah.

TP 2

SP
4.27.1

Maksud talak

Talak ialah pembubaran perkahwinan oleh suami dengan lafaz talak yang jelas atau kiasan

Implikasi perkahwinan
Pelajaran 13

NOTA
PRAKTIS EKSTRA

eP+

3. Jelaskan jenis-jenis talak.

TP 2

SP
4.27.1

Jenis-jenis talak

- (a) Talak raj'i, iaitu talak yang boleh dirujuk dalam tempoh idah tanpa akad nikah dan mahar yang baharu
- (b) Talak bain, iaitu talak yang tidak boleh dirujuk kecuali dengan akad nikah dan mahar yang baharu

4. Nyatakan maksud fasakh di dalam ruangan di bawah.

TP 2

SP
4.27.1

Maksud fasakh

Fasakh ialah pembubaran perkahwinan melalui kuasa hakim dengan sebab-sebab tertentu

VIDEO



Adakah jatuh talak ketika bergurau?

5. Nyatakan maksud khuluk berserta contoh.

TP 2

SP
4.27.1

Khuluk

- (a) **Maksud:** Khuluk ialah pembubaran perkahwinan atas kehendak isteri dengan persetujuan membayar ganti rugi kepada suami
- (b) **Contoh:** Pihak mahkamah meluluskan permohonan khuluk atas permintaan isteri dengan memulangkan bayaran mahar kepada suami

6. Lengkapkan tempat kosong di bawah.

TP 2

SP
4.27.1

Maksud li'an

Li'an ialah lafaz (a) sumbah suami apabila (b) menuduh isterinya berzina tanpa empat orang (c) saksi atau menafikan (d) nasab.

7. Lengkapkan tempat kosong di bawah.

TP 2

SP
4.27.1

Maksud idah

Tempoh (a) masa yang perlu dilalui oleh seorang (b) isteri selepas (c) pembubaran perkahwinan atau selepas (d) kematian suami.

8. Nyatakan syarat-syarat rujuk di bawah.

TP 2

SP
4.27.1

- (a) Bukan perceraian melalui fasakh atau khuluk.
 (b) Bukan dicerai dengan talak tiga.
 (c) Ada lafaz yang menunjukkan rujuk.

9. Nyatakan maksud nusyuz berserta contoh.

TP 2

SP
4.27.1

Nusyuz

- (a) **Maksud:** Nusyuz ialah keengganan isteri mentaati perintah atau permintaan suami yang sah
- (b) **Contoh:** Isteri enggan mematuhi perintah suaminya supaya menunaikan solat dan berpuasa



10. Senaraikan kelayakan berpoligami di ruangan di bawah.

TP 4

SP
4.27.1

Kelayakan berpoligami

Tidak melebihi empat orang isteri

(a) Mampu memberikan nafkah zahir dan batin

(b) Boleh berlaku adil terhadap isteri-isterinya dari aspek lahiriah seperti tempat tinggal

4.27.2 Implikasi Perkahwinan yang Tidak Mengikut Syariat dan Undang-undang Islam

Buku Teks ms. 134

11. Jelaskan implikasi perkahwinan yang tidak mengikut syariat dan undang-undang Islam.

TP 5

SP
4.27.2

KBAT
Menganalisis

Implikasi perkahwinan tidak mengikut syariat dan undang-undang Islam

(a) Pasangan boleh didenda jika disabitkan dengan kesalahan berkahwin tanpa mengikut saluran yang betul bagi negeri masing-masing

(b) Pasangan terpaksa dipisahkan jika didapati perkahwinan tidak sah mengikut hukum syarak

(c) Kesukaran untuk mendaftarkan kelahiran anak untuk mendapat sijil kelahiran

CETUS IDEA



AKTIVITI PAK-21

► Fikir-Pasangan-Kongsi

KBAT
Menilai

- Murid membuat aktiviti secara berpasangan.
- Guru memberi tajuk "Impak penceraian ibu bapa kepada anak-anak".
- Murid berfikir mencari jawapan dalam masa 10 minit secara bersendirian.
- Kemudian, setiap pasangan perlu berkongsi hasil perbincangan dengan pasangan lain.

TP 6

**KBAT****EKSTRA****PELAJARAN 13****IDEA >>> Hikmah**

Tidak wajar

1. Idah adalah salah satu isu dalam perkahwinan yang mana isteri perlu melalui tempoh idah selepas berlakunya pembubaran perkahwinan.

KBAT
Menilai Kemukakan pendapat anda berkaitan isu di atas.

Penetapan idah kepada isteri selepas berlakunya pembubaran perkahwinan mengandungi hikmah tertentu kerana kemungkinan akan berlaku perkara yang ditegah oleh syarak sekiranya tiada idah. Hal ini menyebabkan perempuan yang dalam tempoh idah dilarang melakukan beberapa perkara yang ditentukan syarak demi menjaga kemaslahatan diri dan keluarga. Kesimpulannya, idah yang disyariatkan adalah bertujuan menunjukkan Islam sangat prihatin serta mengambil berat tentang maruah dan aurat wanita agar terhindar daripada perkara yang boleh mencemarkan maruahnya.

2. Seorang isteri membuat tuntutan fasakh di mahkamah kerana suaminya berkahwin lain dan dia tidak mahu hidup bermadu. Adakah wajar tindakan yang dilakukan oleh isteri tersebut?

KBAT
Menilai Kemukakan pendapat anda.

Tindakan isteri tersebut adalah tidak wajar kerana suami berkahwin lain bukan perkara yang mengharuskan tuntutan fasakh. Hal yang demikian sewajarnya isteri itu meminta suaminya supaya berlaku adil terhadap kedua-dua isterinya untuk kebahagiaan keluarga. Kesimpulannya, berpoligami diharuskan atas sebab-sebab tertentu dan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan demi mewujudkan keluarga yang sejahtera dan bahagia.

PELAJARAN

16

MODUL PBD

BIDANG Sirah dan Tamadun Islam

Kerajaan Uthmaniyyah

5.14.1 Sejarah Kerajaan Uthmaniyyah

Buku Teks ms. 166 – 167

1. Lengkapkan tempat kosong dengan pilihan jawapan yang disediakan.

TP 1

SP
5.14.1

pertama	625	Eropah	Uthman	terakhir	37
---------	-----	--------	--------	----------	----

- (a) Nama kerajaan Uthmaniyyah diambil sempena nama pengasasnya, iaitu Uthman bin Ertughrul.
- (b) Tempoh pemerintahan kerajaan Uthmaniyyah ialah selama 625 tahun bermula tahun 1299 Masihi hingga 1924 Masihi yang mempunyai 37 orang pemerintah.
- (c) Keluasan kerajaan Uthmaniyyah meliputi sebahagian besar benua Asia, Eropah dan Afrika.
- (d) Pemerintah pertama kerajaan Uthmaniyyah ialah Sultan Uthman bin Ertughrul dan pemerintah yang terakhir ialah Sultan Abdul Majid II.

2. Senaraikan nama pemerintah yang terkenal kerajaan Uthmaniyyah.

TP 1

SP
5.14.1

Pemerintah terkenal kerajaan Uthmaniyyah

(a) Sultan Uthman bin Ertughrul

Sultan Murad I

(b) Sultan Muhammad al-Fateh

(c) Sultan Sulaiman al-Qanuni

5.14.2 Khalifah yang Terkenal pada Zaman Kerajaan Uthmaniyyah

Buku Teks ms. 168 – 171

3. Lengkapkan rajah di bawah mengenai biodata Sultan Muhammad al-Fateh.

TP 3

SP
5.14.2

Biodata
Muhammad
al-Fateh bin
Murad II

(a) Tarikh lahir: 833 H / 1429 M

(b) Tarikh mangkat: 886 H / 1481 M

(c) Tempoh memerintah: 31 tahun



4. Nyatakan nama tokoh yang betul berdasarkan sumbangan di bawah.

TP 3

SP
5.14.2

	Sumbangan	Tokoh
(a)	Membuka kota Constantinople pada tahun 1453 Masihi	Sultan Muhammad al-Fateh
(b)	Menyatukan wilayah Anatolia Selatan selepas ditinggalkan oleh Byzantine	Sultan Uthman bin Ertughrul
(c)	Menyusun undang-undang yang dikenali sebagai Kanunname	Sultan Sulaiman al-Qanuni
(d)	Menjadikan Edirme sebagai ibu negara	Sultan Murad I

Buku Teks ms. 172

5.14.3 Faktor Kegemilangan Kerajaan Uthmaniyyah

TP 4

SP
5.14.3
KBAT
Menganalisis

**Kegemilangan
dari aspek
pentadbiran**

Pemerintah berperanan dengan berkesan sebagai ketua tentera, ketua agama dan hakim tertinggi

(a) Pemerintah menyelaraskan pemerintahan dan keagamaan dibantu oleh pegawai pentadbir

(b) Penguasaan laluan di antara benua Eropah dengan benua Asia apabila menguasai selat Dardanelles dan selat Bosphorus

**Kegemilangan
dari aspek sosial**

(a) Sistem wakaf yang sistematis meliputi aspek keperluan asas, pendidikan dan kesihatan

(b) Mewujudkan suasana yang harmoni dalam masyarakat

5.14.3 Faktor Kemerosotan Kerajaan Uthmaniyah

6. Lengkapkan tempat kosong mengenai faktor kemerosotan kerajaan Uthmaniyah.

TP 4

SP
5.14.3

**Faktor
kemerosotan
kerajaan
Uthmaniyah**

Teknologi ketenteraan yang (a) ketinggalan berbanding dengan kuasa Barat yang menyebabkan kalah dalam perang

Gerakan yang menuntut (b) kemerdekaan daripada wilayah-wilayah menyebabkan negara tidak stabil

Kemerosotan ekonomi (c) dan beban hutang negara yang tinggi

VIDEO



Sultan Muhammad al-Fateh

5.14.4 Iktibar daripada Pemerintahan Kerajaan Uthmaniyah

Buku Teks ms. 174

7. Jelaskan iktibar daripada pemerintahan kerajaan Uthmaniyah di bawah.

TP 5

SP
5.14.4

(a) Kita hendaklah sentiasa berpegang pada ajaran Islam supaya hidup diberkati Allah SWT

(b) Kita hendaklah menolak sebarang campur tangan asing untuk menjaga keamanan negara



AKTIVITI PAK-21

► Nota Tampalan

KBAT
Menilai

- Murid membuat aktiviti di dalam kumpulan.
- Guru memberi tajuk "Faktor kegemilangan kerajaan Uthmaniyah" dan "Faktor kemerosotan kerajaan Uthmaniyah."
- Murid berbincang di dalam kumpulan tentang tajuk di atas.
- Setiap kumpulan perlu menulis isi di atas *sticky notes*.
- Sticky notes* kemudian ditampal di papan kenyataan sudut Pendidikan Islam.

TP 6

**KBAT****EKSTRA****PELAJARAN 16****IDEA >>> Bersungguh-sungguh**

Rasuah

KBAT
Mengaplikasi

1. Umat Islam digalakkan memperbanyakkan meneroka ilmu agar mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

Sebagai seorang murid, apakah tindakan anda bagi mencapai wawasan di atas?

Saya akan belajar dengan bersungguh-sungguh hingga ke peringkat yang tertinggi untuk memiliki ilmu dan kemahiran dalam bidang-bidang tertentu. Selain itu, saya juga akan memanfaatkan ilmu dan kemahiran dengan membuat kajian dan penerokaan dalam satu-satu bidang yang membolehkan saya mampu bersaing dengan bangsa-bangsa yang lain di peringkat antarabangsa. Kesimpulannya, dengan ilmu sesuatu bangsa itu akan terkenal dan dikenali di peringkat dunia, maka umat Islam harus berlumba-lumba mencari ilmu agar agama, bangsa dan negara cemerlang di mata dunia.

2. Sebuah negara memerlukan seorang pemimpin yang berwibawa supaya urusan pentadbiran negara berjalan lancar.

KBAT
Menilai

Ramalkan situasi yang akan berlaku sekiranya sesebuah negara ditadbir oleh pemimpin yang tiada semangat cintakan negara.

Negara tidak dapat membangun dengan baik kerana ditadbir oleh pemimpin yang tidak mempunyai wawasan untuk memajukan negara. Pemimpin seperti itu juga akan menyebabkan perbuatan rasuah dan pecah amanah banyak berlaku yang akan mengundang kepada kemarahan dan tunjuk perasaan dalam kalangan rakyat. Kesimpulannya, kita hendaklah memilih pemimpin yang berwibawa dan berwawasan supaya urusan pentadbiran berjalan lancar.

PELAJARAN

17

MODUL PBD

BIDANG Sirah dan Tamadun Islam

Keunggulan Tokoh Islam

5.15.1 Riwayat Hidup Tokoh

Buku Teks ms. 177 – 179

1. Lengkapkan tempat kosong berkenaan riwayat hidup Salahuddin al-Ayubi.

TP 1

SP
5.15.1

Riwayat hidup Salahuddin al-Ayubi

(a) Nama penuh: Yusuf bin Ayub bin Syazi

(b) Tarikh lahir: 532 Hijrah

(c) Tarikh meninggal dunia: 589 Hijrah

(d) Jawatan: Pemerintah kerajaan al-Ayubiyyah

2. Nyatakan riwayat hidup Hassan al-Banna dalam rajah di bawah.

TP 2

SP
5.15.1

Hassan al-Banna

(a) Nama penuh:

Hasan bin Ahmad
bin Abdul Rahman

(b) Tarikh lahir:

1232 Hijrah/
1906 Masihi

(c) Tarikh wafat:

1368 Hijrah/
1949 Masihi

(d) Jawatan:

Mursyid Am
Ikhwan al-
Muslimin

3. Isikan tempat kosong dengan pilihan jawapan yang betul mengenai tokoh Ahmad bin Ibrahim.

TP 3

SP
5.15.1

pensyarah	tinggi	gelaran	keadilan	hakim
-----------	--------	---------	----------	-------

(a) Ahmad bin Muhammad Ibrahim dilahirkan pada 15 Mei 1916. Beliau mendapat gelaran Profesor Emeritus Tan Sri Doktor.

(b) Beliau bertugas di Universiti Islam Antarabangsa sebagai pensyarah kuliah undang-undang.

(c) Beliau juga pernah bertugas sebagai hakim mahkamah rayuan dan mahkamah syariah.

5.15.2 Sumbangan Tokoh dalam Tamadun Islam

4. Terangkan sumbangan tokoh-tokoh di bawah.

TP 4

SP
5.15.2
KBAT
Menganalisis

	Tokoh	Sumbangan
(a)	Salahuddin al-Ayubi	<ul style="list-style-type: none"> (i) Mengubah sebuah dewan di istana dan menjadikannya sebuah hospital (ii) Mengembalikan semula pegangan akidah Ahli Sunah Waljamaah dalam sistem pendidikan
(b)	Hassan al-Banna	<ul style="list-style-type: none"> (i) Menghasilkan karya yang bermutu seperti Risalah al-Ta'alim (ii) Mengasaskan pertubuhan Ikhwan al-Muslimin
(c)	Ahmad bin Ibrahim	<ul style="list-style-type: none"> (i) Menulis buku Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia (ii) Anggota panel pengasas kuliah undang-undang di Universiti Islam Antarabangsa

5.15.3 Iktibar daripada Keunggulan Tokoh

5. Jelaskan iktibar daripada keunggulan tokoh yang anda perolehi.

TP 5

- SP**
5.15.3 (a) Kita hendaklah mencontohi kegigihan tokoh dalam menuntut ilmu sebagai bukti cinta kepada ilmu.
 (b) Kita hendaklah bersifat cekal dalam berdakwah agar masyarakat dapat memahami Islam yang sebenar.

INFO



Hassan al-Banna



AKTIVITI PAK-21

► Kerusi Panas

KBAT

Menilai

- Murid membuat aktiviti di dalam kumpulan.
- Guru memberikan tajuk "Iktibar daripada keunggulan tokoh".
- Murid berbincang di dalam kumpulan tentang tajuk di atas.
- Salah seorang murid dipilih untuk tampil di hadapan kelas bagi menjawab soalan daripada rakan-rakan berkaitan dengan tajuk yang dibincangkan.

TP 6

**KBAT****EKSTRA****PELAJARAN 17****IDEA >>> Pembangunan**

Tidak aman

1. Anda dilantik sebagai AJK Dakwah di masjid tempat tinggal anda.

KBAT
Menapakjasi Cadangkan aktiviti yang diperlukan untuk menggiatkan lagi usaha dakwah.

Saya akan mencadangkan perbanyakkan aktiviti untuk semua golongan masyarakat yang meliputi golongan dewasa, remaja dan kanak-kanak. Aktiviti yang akan diadakan hendaklah meliputi berbagai bidang seperti pendidikan, kesihatan, kewangan, sukan dan sebagainya untuk pembangunan rohani, jasmani dan intelektual masyarakat. Keadaan ini memberi peluang untuk menyebarkan dakwah kepada orang ramai. Kesimpulannya, kita hendaklah menyebarkan ilmu dan kepakaran yang dimiliki supaya dapat memberi manfaat kepada agama, bangsa dan negara.

2. Salahuddin al-Ayubi ialah seorang pemerintah yang prihatin terhadap kebijakan rakyat. Perkara ini wajar dicontohi oleh setiap pemerintah bagi mengekalkan kesejahteraan dan keharmonian negara dan rakyat.

KBAT
Menilai

Ramalkan situasi yang akan berlaku sekiranya perkara di atas diabaikan.

Tunjuk perasaan akan berlaku dalam kalangan rakyat kerana tidak puas hati dengan pihak kerajaan yang tidak menyediakan kebijakan untuk kesejahteraan mereka. Hal yang demikian akan wujud suasana yang tidak aman dalam negara yang kemungkinan boleh menyebabkan rakyat akan bangkit menentang kerajaan. Kesimpulannya, pemimpin dan rakyat harus bekerjasama dalam mencapai wawasan negara kerana jika cita-cita tidak tercapai, negara akan menjadi lemah dan seterusnya terdedah kepada anasir-anasir yang tidak diingini.

MODUL SPM

UJIAN

SKOP

HALAMAN

UJIAN 1

Pelajaran 1 – Pelajaran 2 &
Pelajaran 4

83 – 84

UJIAN 2

Pelajaran 3 – Pelajaran 6

85 – 88

UJIAN 3

Pelajaran 7 – Pelajaran 8

89 – 91

UJIAN 4

Pelajaran 9 – Pelajaran 10

92 – 94

UJIAN 5

Pelajaran 11 – Pelajaran 15

95 – 103

UJIAN 6

Pelajaran 16 – Pelajaran 17

104 – 105

UJIAN 7

Pelajaran 18 – Pelajaran 21

106 – 113

Jangan lupa Pelangi Online Test (POT)
untuk latihan ekstra!



<https://qr.pelangibooks.com/?u=POTPI5>

Enrolment key: H*er8W&G



UJIAN 1**KERTAS 2**

1. (a) Anda dikehendaki membaca ayat al-Quran berikut.

PELAJARAN
1
Buku Teks
ms.2

لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ بِالْمُؤْمِنِينَ
رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢٩﴾ إِنَّمَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا فِي أَعْيُنِكُمْ فَإِنْ تَوَلُّوْا فَقُلْ حَسْبِيَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَهُوَ رَبُّ
الْعَرْشِ الْعَظِيمِ ﴿١٢٨﴾

(Surah at-Taubah: 128 – 129)

Murid membaca ayat di atas.

[50 markah]

- (b) Sila ulang dan sambung bacaan berikut.

PELAJARAN
1
Buku Teks
ms.2

لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ ...

(Surah at-Taubah: 128 – 129)

لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ بِالْمُؤْمِنِينَ
رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢٩﴾ إِنَّمَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا فِي أَعْيُنِكُمْ فَإِنْ تَوَلُّوْا فَقُلْ حَسْبِيَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَهُوَ رَبُّ
الْعَرْشِ الْعَظِيمِ ﴿١٢٨﴾

[15 markah]

2. (a) Sila ulang dan sambung bacaan berikut.

PELAJARAN
2
Buku Teks
ms.7

لَوْ أَنَّرَّنَا هَذَا الْقُرْءَانَ عَلَى جَبَلٍ لَرَأَيْتُهُ خَشِعًا مُتَصَدِّعًا مِنْ حَشْيَةِ اللَّهِ ...

(Surah al-Hasyr: 21 – 24)

لَوْ أَنَّرَّنَا هَذَا الْقُرْءَانَ عَلَى جَبَلٍ لَرَأَيْتُهُ خَشِعًا مُتَصَدِّعًا مِنْ حَشْيَةِ اللَّهِ وَتَلَكَ الْأَمْقَلُ نَضَرُّبُهَا لِلنَّاسِ
لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ ④ هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلِيمُ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةُ هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ ⑤ هُوَ اللَّهُ
الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْمَلِكُ الْقَدُّوسُ السَّلَمُ الْمُؤْمِنُ الْمَهِيمُ الْعَزِيزُ الْجَبَارُ الْمُشَكِّرُ سُبْحَانَ اللَّهِ عَمَّا
يُشَرِّكُونَ ⑥ هُوَ اللَّهُ الْخَلِيقُ الْبَارِئُ الْمُصَوِّرُ لَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَى يُسَتَّرُ لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَهُوَ
الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ⑦

[15 markah]

(b) Sila ulang dan sambung bacaan berikut.

PELAJARAN
4
Buku Teks
ms.
22–23

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ...

(Surah al-Mu'minun: 1 – 11)

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ① الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَشِعُونَ ② وَالَّذِينَ هُمْ عَنِ اللَّغْوِ مُعْرِضُونَ
③ وَالَّذِينَ هُمْ لِلرَّكْوَةِ قَاعِدُونَ ④ وَالَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَفِظُونَ ⑤ إِلَّا عَلَى أَرْوَاحِهِمْ أَوْ مَا
مَلَكُوتُ أَيْمَانِهِمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ ⑥ فَمَنِ ابْتَغَى وَرَاءَ ذَلِكَ فَأُولَئِكَ هُمُ الْعَادُونَ ⑦
وَالَّذِينَ هُمْ لِأَمْنَاتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رَاغِعُونَ ⑧ وَالَّذِينَ هُمْ عَلَى صَلَوَاتِهِمْ يَحْفَظُونَ ⑨ أُولَئِكَ هُمُ
الْوَارِثُونَ ⑩ الَّذِينَ يَرِثُونَ الْفِرْدَوْسَ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ⑪

[15 markah]

UJIAN 2**KERTAS 1**

1. (a) Jelaskan maksud jenis wakaf yang berikut.

PELAJARAN
3
Buku Teks
ms.
22 – 23

Jenis wakaf	Maksud
(i) Wakaf Tam	Wakaf pada ayat yang telah sempurna maknanya, dan tidak mempunyai kaitan dengan ayat selepasnya dari sudut lafaz dan makna.
(ii) Wakaf Hasan	Wakaf pada ayat yang telah sempurna maknanya, tetapi mempunyai kaitan dengan ayat selepasnya dari sudut lafaz dan makna.
(iii) Wakaf Qabih	Wakaf pada ayat yang mengubah makna sebenar atau yang tidak sempurna makna, kerana mempunyai kaitan dengan kalimah selepasnya dari sudut lafaz dan makna.

[6 markah]

- (b) Firman Allah SWT:

PELAJARAN
3
Buku Teks
ms.
20 – 21

هُوَ اللَّهُ الْخَلِقُ الْبَارِئُ الْمُصَوِّرُ لَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ يُسَبِّحُ لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ

وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٦﴾

(Surah al-Hasyr: 24)

Berdasarkan potongan ayat di atas, nyatakan maksud bagi tanda wakaf berikut.

Tanda wakaf	Maksudnya
(i) الْمُصَوِّرُ لَهُ	Wasal lebih utama
(ii) الْحُسْنَىٰ يُسَبِّحُ	Harus wakaf atau wasal
(iii) وَالْأَرْضِ وَهُوَ	Wasal lebih utama

[3 markah]

2. (a) Firman Allah SWT:

قَدْ أَفْلَحَ اللَّهُمَّ مَوْمِئُونَ ۖ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ حَشِيعُونَ ۖ وَالَّذِينَ هُمْ لِلرَّكْوَةِ فَعَلُونَ ۖ وَالَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَفِظُونَ ۖ إِلَّا عَلَىٰ أَرْزَاقِهِمْ أَوْ مَا مَلَكُتْ أَيْمَانُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ ۖ فَمَنِ ابْتَغَىٰ وَرَاءَ ذَلِكَ قَوْلِيكَ هُمُ الْعَادُونَ ۖ وَالَّذِينَ هُمْ لَا مَنْتَهِيهِمْ وَعَهْدُهُمْ رَاغُونَ ۖ وَالَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ صَلَوةِهِمْ يُخَافِطُونَ ۖ أُولَئِكَ هُمُ الْأُورَثُونَ ۖ الَّذِينَ يَرْثُونَ الْفِرِدَوْسَ هُمْ فِيهَا خَلِيلُونَ ۖ

(Surah al-Mu'minun: 1 – 11)

Ayat di atas menjelaskan ciri-ciri mukmin yang berjaya di dunia dan di akhirat. Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Nyatakan **dua** ciri mukmin berjaya.

- Menjaga amanah dan janji.
- Sentiasa menjaga solat.

[2 markah]

- (ii) Jelaskan **dua** contoh perkataan dan perbuatan yang sia-sia.

- Melepak dan merokok.
- Mencarut dan berbual kosong ketika belajar.

[4 markah]

- (iii) Terangkan **dua** pengajaran daripada ayat di atas.

- Kita hendaklah meningkatkan keimanan kepada Allah SWT dengan melaksanakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya.

- Kita hendaklah sentiasa menjaga kehormatan diri agar terpelihara daripada perkara yang tidak bermoral.

[4 markah]



3. (a) Firman Allah SWT:

أَجْعَلْنَا مِيقَاتَهُ الْحَاجَةَ وَعِمَارَةَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامَ كَمَنْ عَاهَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمَ الْآخِرِ وَجَاهَهُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ لَا يَسْتُوْنَ
عِنْدَ اللَّهِ وَاللَّهُ لَا يَهِيدِي النَّقْوَمَ الظَّلِيمِينَ ﴿١٩﴾ أَلَّذِينَ عَامَّا وَهَاجَرُوا وَجَاهُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ
أَعْظَمُ دَرَجَةً عِنْدَ اللَّهِ وَأَوْلَئِكَ هُمُ الْفَائِزُونَ ﴿٢٠﴾

(Surah at-Taubah: 19 – 20)

Ayat di atas menerangkan kepentingan memahami keutamaan dalam sesuatu tindakan. Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Nyatakan maksud Fiqh al-Aulawiyyat.

PELAJARAN
5
Buku Teks
ms.43

Mengutamakan perkara yang sepatutnya didahulukan berdasarkan prinsip syarak.

[2 markah]

- (ii) Nyatakan **dua** prinsip asas Fiqh al-Aulawiyyat.

PELAJARAN
5
Buku Teks
ms.43

• Mengutamakan perkara yang diutamakan oleh syarak.

• Mengambil kira tahap keupayaan individu.

[4 markah]

- (iii) Jelaskan **dua** kepentingan Fiqh al-Aulawiyyat kepada individu.

PELAJARAN
5
Buku Teks
ms.46

• Sesuatu tindakan akan terkawal.

• Memperoleh hasil kerja yang berkualiti.

[4 markah]



4. (a) Firman Allah SWT:

يَأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُم مِّنْ ذَكَرٍ وَأُنثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِيلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْثَرَ رَبَّكُمْ
عِنْدَ اللَّهِ أَتُقْبِلُهُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ حَبِيرٌ ﴿١٣﴾

(Surah al-Hujurat: 13)

Ayat di atas menerangkan bahawa Allah SWT menjadikan manusia berbagai bangsa dan berpuak-puak.

Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Nyatakan perintah Allah SWT di dalam ayat di atas.

- Manusia saling berkenalan antara satu sama lain.
- Menjadi golongan yang bertakwa.

[2 markah]

- (ii) Terangkan **dua** tujuan daripada perintah Allah SWT di dalam ayat di atas.

- Menjalin perpaduan dan perhubungan yang harmoni.
- Mengiktiraf kemuliaan manusia tanpa mengira rupa paras dan budaya.

KBAT Menganalisis

[4 markah]

- (iii) Malaysia merupakan sebuah negara yang terdiri daripada berbilang kaum dan bangsa. Rakyatnya hidup dalam keadaan aman dan harmoni. Keadaan seperti ini harus dikekalkan sampai bila-bila.

Kemukakan cadangan anda bagi mengekalkan kehidupan yang harmoni dalam negara Malaysia.

Malaysia perlu mengamalkan sikap saling menghormati antara satu sama lain kerana dengan cara sedemikian persengketaan dapat dihindari. Setiap rakyat harus berusaha untuk menghindari sebarang anasir yang boleh mencetuskan suasana yang tidak sihat dalam negara. Kesimpulannya, Islam telah menyediakan panduan yang lengkap, justeru dengan berpandukan panduan tersebut segala cita-cita akan terlaksana.

KBAT Mengaplikasi

[4 markah]

UJIAN 7**KERTAS 1**

1. (a) (i) Apakah maksud tawaduk?

Tawaduk ialah sikap kerendahan hati kepada Allah SWT dan sesama manusia.

PELAJARAN
18
Buku Teks
ms. 186

[2 markah]

- (ii) Nyatakan **dua** contoh sifat tawaduk yang diamalkan Rasulullah SAW.

- Baginda menunjukkan sifat tawaduk ketika bergaul.
- Baginda menunjukkan sifat tawaduk ketika makan dan minum.

[2 markah]

- (iii) Terangkan hikmah memiliki sifat tawaduk.

Membentuk individu yang bertakwa kerana sentiasa mengamalkan sifat tawaduk.

PELAJARAN
18
Buku Teks
ms. 189

[2 markah]

- (iv) Ahli keluarga yang mengamalkan sifat tawaduk dapat membentuk keluarga yang bahagia dan harmoni.

Kemukakan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas.

Keluarga yang sejahtera dan harmoni dapat dibentuk melalui sifat tawaduk kerana saling menghormati antara satu sama lain. Hal ini menyebabkan tidak akan berlaku persengketaan dalam kalangan ahli keluarga kerana masing-masing mempunyai sikap rendah hati dan bertolak ansur dalam sesuatu perkara. Kesimpulannya, mencontohi Rasulullah SAW mengamalkan sifat tawaduk adalah cara terbaik demi memartabatkan ajaran Islam dalam kalangan seluruh manusia.



- (b) (i) Apakah yang anda faham dengan maksud tawaduk?

PELAJARAN
18
Buku Teks
ms. 186

Saya fahami bahawa tawaduk merupakan sikap merendah diri terhadap Allah SWT dan juga manusia.

[2 markah]

- (ii) Terangkan contoh sifat tawaduk yang diamalkan oleh Rasulullah SAW ketika makan dan minum.

Ketika makan dan minum, Rasulullah SAW tidak pernah mencela makanan yang disediakan untuk baginda. Jika makanan tersebut disukai baginda, baginda akan memakannya, namun baginda akan terus meninggalkan makanan tersebut jika tidak menyukainya.

[2 markah]

- (iii) Jelaskan **satu** hikmah sifat tawaduk yang anda ketahui.

PELAJARAN
18
Buku Teks
ms. 189

Disukai masyarakat kerana tidak bersikap sompong.

[2 markah]

Anda telah dinobatkan sebagai salah seorang murid yang cemerlang di dalam peperiksaan percubaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang lepas kerana mendapat gred A dalam semua mata pelajaran.

- (iv) Berdasarkan pernyataan di atas, bagaimanakah anda mengamalkan sifat tawaduk setelah mendapat keputusan tersebut? Huraikan.

Saya akan mengamalkan sifat tawaduk dengan sentiasa berasa merendah diri di hadapan guru, rakan-rakan dan juga adik beradik. Saya juga akan terus berusaha bersungguh-sungguh mengulang kaji pelajaran supaya kekal cemerlang sehingga dalam peperiksaan sebenar SPM di samping memberikan tunjuk ajar kepada rakan yang memerlukan di dalam pelajaran. Kesimpulannya, kita hendaklah kekal merendah diri dalam kehidupan walaupun kita mempunyai banyak nikmat kelebihan di dunia ini supaya hidup sentiasa diberkati Allah SWT.

KBAT Menganalisis

[4 markah]



2. (a) (i) Apakah maksud istiqamah?

PELAJARAN
19
Buku Teks
ms. 191

Istiqamah ialah ketaatan yang berterusan dalam melaksanakan suruhan Allah SWT dan menjauhi larangan-Nya.

[2 markah]

- (ii) Nyatakan contoh sifat istiqamah amalan Rasulullah SAW.

PELAJARAN
19
Buku Teks
ms. 194–195

- Baginda istiqamah beribadah kepada Allah SWT dan tidak jemu memohon keampunan daripada-Nya walaupun baginda seorang maksum.
- Baginda tetap berdakwah walaupun menghadapi kesusahan dan ujian.

[2 markah]

- (iii) Nyatakan terjemahan bagi dalil naqli sifat istiqamah.

PELAJARAN
19
Buku Teks
ms. 191

Oleh itu, hendaklah engkau (wahai Muhammad) sentiasa tetap teguh di atas jalan yang betul sebagaimana yang telah diperintahkan kepadamu.

[2 markah]

- (iv) Istiqamah dapat membawa kejayaan kepada seorang murid.

Sebagai seorang murid, bagaimakah anda mengamalkan sifat tersebut sehingga menjadi murid yang cemerlang?

Saya akan sentiasa membuat ulang kaji pelajaran pada setiap hari walaupun dengan membaca beberapa muka surat buku sahaja kerana cara ini akan melatih saya untuk berdisiplin dan istiqamah dalam pelajaran. Melalui cara ini juga prestasi pembelajaran dapat ditingkatkan dan seterusnya membawa kecemerlangan kepada saya. Kesimpulannya, sifat istiqamah sangat penting diamalkan bagi mereka yang ingin berjaya, maka contohilah sifat Rasulullah SAW agar menjadi insan yang cemerlang di dunia dan di akhirat.



(b) (i) Senaraikan **dua** ciri orang memiliki sifat istiqamah.

- Sabar menghadapi cabaran dan kesusahan.
- Melakukan ketaatan atau kebaikan secara berterusan.

KBAT Menilai

[2 markah]

(ii) Jelaskan hikmah memiliki sifat istiqamah.

- Memperkuuh jati diri dengan sifat sabar dan tidak berputus asa untuk berjaya.

[2 markah]

(iii) Nyatakan cara untuk memiliki sifat istiqamah.

Sentiasa mempelajari ilmu dengan istiqamah supaya menjadi amalan dalam kehidupan.

[2 markah]

(iv) Istiqamah Rasulullah SAW perlu dicontohi setiap individu Muslim supaya berjaya dalam semua bidang yang diceburi.

Kemukakan pandangan anda bagi menyokong pernyataan di atas.

Setiap individu hendaklah mencontohi sifat istiqamah Rasulullah SAW kerana sifat tersebut akan menyebabkan seseorang itu akan berusaha melakukan sesuatu secara berterusan walaupun sedikit, melakukan sesuatu dengan tekun dan bersungguh-sungguh serta tidak mudah berputus asa dan berasa jemu dengan apa-apa yang diusahakan. Kesimpulannya, kejayaan hanya akan diperoleh melalui usaha yang gigih dan istiqamah.

KBAT Menganalisis

[4 markah]

3. (a) (i) Nyatakan **dua** adab menjaga alam sekitar.

- Mengelalkan ekosistem kehidupan flora dan fauna agar tidak terancam dan pupus.
- Memelihara dan memulihara alam sekitar dengan tidak melakukan sebarang kerosakan seperti penanaman semula pokok bakau.

[2 markah]

PELAJARAN

20
Buku Teks
ms.
200–201

PELAJARAN
19
Buku Teks
ms. 196

PELAJARAN
19
Buku Teks
ms. 193



- (ii) Jelaskan sebab berlaku pencemaran alam sekitar.

Kurang kesedaran orang ramai tentang tanggungjawab menjaga alam sekitar.

KBAT Menganalisis

[2 markah]

- (iii) Nyatakan terjemahan dalil naqli tuntutan adab menjaga alam sekitar.

PELAJARAN
20
Buku Teks
ms. 199

Segala yang ada di langit dan di bumi ialah kepunyaan-Nya, dan sesungguhnya Allah,

Dialah yang Maha Kaya lagi Maha Terpuji.

[2 markah]

- (iv) Pada pendapat anda, apakah akibat sekiranya alam sekitar tidak dijaga dengan baik? Jelaskan. **KBAT** Menilai

Pada pendapat saya, alam sekitar jika tidak dijaga dengan baik akan menyebabkan manusia tidak akan dapat menikmati persekitaran yang bersih dan udara yang sihat kerana semuanya telah tercemar dengan aktiviti-aktiviti yang dilarang. Hal yang demikian tindakan undang-undang perlu dikuat kuasa bagi membendung perbuatan yang boleh mencemarkan alam sekitar. Kesimpulannya, semua orang hendaklah mengamalkan budaya cintakan alam sekitar bagi mewujudkan persekitaran yang bersih, ceria serta terhindar daripada wabak penyakit.

KBAT Menilai

[4 markah]

- (b) (i) Nyatakan maksud alam sekitar.

PELAJARAN
20
Buku Teks
ms. 199

Alam sekitar ialah segala benda hidup dan bukan hidup yang terdapat di sekeliling manusia.

[2 markah]



- (ii) Nyatakan hikmah beradab menjaga alam sekitar.

Meningkatkan pendapatan kerana melaksanakan aktiviti pelancongan.

[2 markah]

- (iii) Nyatakan punca terjadinya pencemaran air.

Pembuangan sisa toksik atau minyak ke dalam sungai tanpa had.

KBAT Menganalisis

[2 markah]

- (iv) Pada dua tahun lepas, negara kita dikejutkan berita tentang keadaan sungai yang sangat kotor yang mengakibatkan kesan buruk kepada manusia, haiwan dan alam sekitar.

Mengapakah keadaan di atas berlaku sedangkan negara kita ada undang-undang penjagaan alam sekitar? Kemukakan hujah anda.

Keadaan di atas berlaku kerana tiada tindakan yang tegas daripada pihak yang berkuasa, iaitu kelemahan dari segi pelaksanaan undang-undang. Hal ini menyebabkan pencemaran terhadap sungai terus berlaku tanpa rasa bersalah oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Kesimpulannya, pihak berkuasa hendaklah mengenakan tindakan undang-undang yang sewajarnya terhadap pihak yang melakukan pencemaran alam sekitar agar tindakan tersebut mampu mengawal permasalahan pencemaran negara sekali gus terhapus.

KBAT Menganalisis

[4 markah]

4. (a) (i) Apakah maksud hasad?

Hasad ialah perasaan dengki melihat kelebihan yang ada pada orang lain dan berharap supaya kelebihan tersebut hilang daripadanya.

[2 markah]



(ii) Jelaskan sebab Islam melarang sifat hasad.

- Boleh menimbulkan pergaduhan dan permusuhan.

- Boleh melemahkan masyarakat Islam.

KBAT Menganalisis

[2 markah]

(iii) Terangkan **dua** hikmah meninggalkan sifat mazmumah dalam kehidupan.

PELAJARAN
21
Buku Teks
ms. 210

- Mendidik jiwa supaya sentiasa tunduk kepada kekuasaan-Nya.

- Memperkuuh jati diri Muslim dengan mengamalkan sifat mahmudah.

[2 markah]

(iv) Rakan anda bersikap suka berbangga dengan harta kekayaan milik keluarga dan keturunannya.

Bagaimakah anda menasihati rakan anda supaya tidak bersikap sedemikian?

Saya hendaklah menasihatinya secara berhemah supaya rakan saya itu dapat menerima nasihat yang saya berikan dengan berlapang dada. Hal yang demikian melalui nasihat tersebut diharapkan rakan saya itu akan muhasabah diri dan seterusnya meninggalkan sifat ujub. Kesimpulannya, sifat ujub boleh membawa permusuhan sesama rakan kerana sifat tersebut adalah amalan syaitan yang ingin melihat orang Islam bermusuhan sesama sendiri.

KBAT Mengaplikasi

[4 markah]

(b) (i) Apakah maksud sifat riyak?

PELAJARAN
21
Buku Teks
ms. 205

Riyak ialah melakukan amalan untuk dilihat dan dipuji oleh orang lain.

[2 markah]



(ii) Nyatakan **dua** contoh individu yang bersifat riyak.

- Melakukan solat sunat hanya jika ada orang di hadapan.
-

- Bersedekah untuk mendapat pujian orang lain.
-

KBAT Menilai

[2 markah]

(iii) Terangkan **dua** cara untuk meninggalkan sifat mazmumah.

- Sentiasa berzikir kepada Allah SWT untuk menyucikan jiwa.
-

- Berkawan dengan rakan yang berakhhlak mulia agar sentiasa istiqamah mengamalkan sifat mahmudah.
-

[2 markah]

(iv) Menyantuni golongan yang susah akan dapat menghapuskan sifat ujub dalam diri. Kemukakan hujah anda bagi menyokong pernyataan di atas.

Menyantuni golongan susah akan menjadikan seseorang itu lebih bersyukur kepada Allah SWT kerana dapat melihat diri dikurniakan nikmat yang banyak berbanding orang lain. Hal ini secara tidak langsung dapat menghapuskan sifat ujub dalam diri sekali gus menanam sikap rendah diri dan menyayangi golongan yang kurang berkemampuan. Kesimpulannya, kita hendaklah sentiasa berbuat baik kepada golongan susah agar dapat menjadi hamba Allah yang bersyukur dan jauh daripada sifat ujub yang memudaratkan diri.

KBAT Menganalisis

[4 markah]